

TERMA DAN SYARAT

KEMPEN CASH-BULOUS

1. DEFINISI

| | |
|--|--|
| “Bank” | Merujuk kepada Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810-U)) yang mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 3, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur. |
| “Cabutan Berkala” | Merujuk kepada proses cabutan yang akan dilakukan setiap tiga (3) bulan sehingga tamat Tempoh Kempen oleh pihak Bank bagi tujuan pemilihan Pemenang Kempen. |
| “Cabutan Utama” | Merujuk kepada proses cabutan yang akan dilakukan oleh pihak Bank bagi tujuan pemilihan Pemenang Utama bagi Kempen. |
| “Kakitangan” | Merujuk kepada kakitangan Bank. |
| “Kempen” | Merujuk kepada Kempen “Cash-bulous”. |
| “Mata Penyertaan” | Merujuk kepada mata yang layak diterima oleh Pelanggan tertakluk kepada Terma dan Syarat Kempen yang dinyatakan di sini. Jumlah penyertaan Pelanggan untuk cabutan adalah berdasarkan Mata Penyertaan yang akan diperoleh sepanjang Tempoh Kempen. |
| “Pelanggan” | Merujuk kepada pelanggan Bank yang melanggan produk-produk dan/atau perkhidmatan Bank yang dinyatakan di dalam Kempen ini. |
| “Pelanggan Sedia Ada” | Merujuk kepada Pelanggan yang telah melanggan sebarang produk dan/atau perkhidmatan Bank sebelum Tempoh Kempen. |
| “Pemenang” | Merujuk kepada Pelanggan yang telah dikenalpasti untuk memenangi hadiah Kempen berdasarkan proses cabutan yang dilakukan oleh pihak Bank. |
| “Pemenang Simpanan” | Merujuk kepada Pemenang yang dikenalpasti semasa proses cabutan dilakukan dan disenaraikan sebagai pemenang simpanan. Pihak Bank berhak untuk memberikan hadiah Kempen kepada Pemenang Simpanan yang dikenalpasti sekiranya Pemenang menjadi tidak layak untuk menerima hadiah atas apa jua sebab yang diputuskan oleh pihak Bank. |
| “Pengenalan Diri” | Merujuk kepada dokumen rasmi yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia bagi tujuan pengesahan pengenalan diri seperti Kad Pengenalan atau Pasport. |
| “Prinsip Hibah Mu’allaqah (Hibah Bersyarat)” | Merujuk kepada prinsip pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang dengan dikaitkan atau disyaratkan berlakunya sesuatu perkara. |
| “Produk dan/atau Perkhidmatan” | Merujuk kepada produk yang ditawarkan sepanjang Tempoh Kempen (sepertimana diperincikan di bawah) yang perlu dilanggan oleh Pelanggan bagi tujuan pengiraan Mata Penyertaan. |
| “Hadiah” | Merujuk kepada hadiah yang ditawarkan kepada Pemenang Kempen “Cash-bulous”. |

2. TEMPOH KEMPEN

- a) Kempen ini bermula dari **01 April 2022** sehingga **31 Januari 2023**.

3. KONSEP SYARIAH

- a) Konsep Syariah yang diguna pakai bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat).
- b) Berdasarkan prinsip Hibah Mu'allaqah, pihak Bank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang berjaya memenuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank dan dikenalpasti sebagai Pemenang.

4. KELAYAKAN

- a) Kempen ini terbuka kepada Pelanggan Baru dan Pelanggan Sedia Ada Bank.
- b) Kakitangan Bank tidak dibenarkan menyertai Kempen ini. Walaubagaimanapun ahli keluarga dan saudara-mara Kakitangan Bank dibenarkan menyertai Kempen ini.
- c) Kelayakan dari segi umur dan lain-lain perkara adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat bagi Produk dan/atau Perkhidmatan. Rujukan lanjut mengenai ciri-ciri produk dan/atau Perkhidmatan Agrobank boleh didapati di laman web www.agrobank.com.my atau sila hubungi Pusat Panggilan Agrobank 1300-88-2476 atau kunjungi mana-mana cawangan Agrobank berdekatan.
- d) Pelanggan yang ingin menyertai Kempen ini perlu melanggan mana-manaproduk berikut:
- 1) Penulisan Wasiat
 - 2) Takaful Kemalangan Diri
 - 3) Takaful Kenderaan (Motor Takaful)

5. MEKANISMA KEMPEN

- a) Kempen ini berkonsepkan cabutan di mana apabila Pelanggan yang layak menyertai Kempen ini melanggan Produk dan / atau Perkhidmatan, Pelanggan tersebut akan mendapat Mata Penyertaan mengikut Terma dan Syarat ini.
- b) Kiraan Mata Penyertaan bagi produk dan perkhidmatan adalah seperti berikut:
- Penulisan Wasiat

| | |
|-------------------------------------|-------------------|
| Penulisan Wasiat (MyAngkasa Berhad) | 3 Mata Penyertaan |
|-------------------------------------|-------------------|

- Produk Takaful

| | |
|-----------------------------|-------------------|
| Takaful Kasih Plus | |
| TKP 3 (RM53) | 1 Mata Penyertaan |
| TKP 4 (RM106) | 2 Mata Penyertaan |
| TKP 5 (RM212) | 3 Mata Penyertaan |
| TKP 6 (RM318) | 4 Mata Penyertaan |
| | |
| Agro Mabruur-i Plus (RM 75) | 1 Mata Penyertaan |
| | |
| Agro Madani | |
| Pelan Zamrud (RM60) | 1 Mata Penyertaan |
| Pelan Emas (RM150) | 2 Mata Penyertaan |
| Pelan Berlian (RM 240) | 3 Mata Penyertaan |
| | |
| Agro Nurani | |
| Pelan Ehsan (RM55) | 1 Mata Penyertaan |
| Pelan Amal (RM85) | 2 Mata Penyertaan |
| Pelan Azim (RM130) | 3 Mata Penyertaan |

- Takaful Kenderaan (Motor Takaful)

| | |
|---|---|
| Langganan Motor Takaful dengan jumlah sumbangan sebanyak RM500 dan ke atas. | 1 Mata Penyertaan bagi setiap jumlah sumbangan RM500.00 |
|---|---|

- c) Terdapat dua jenis kategori cabutan iaitu **Cabutan Berkala** dan **Cabutan Utama**.
- d) Pelaksanaan Cabutan Berkala adalah setiap tiga (3) bulan sepanjang Tempoh Kempen.
- Berikut merupakan bulan pelaksanaan Cabutan Berkala:

| BULAN | PENILAIAN MATA PENYERTAAN | PERLAKSANAAN CABUTAN BERKALA |
|-----------|---------------------------|------------------------------------|
| APRIL | | Cabutan Berkala pada Jun 2022 |
| MEI | | |
| JUN | | Cabutan Berkala pada Ogos 2022 |
| JULAI | | |
| OGOS | | Cabutan Berkala pada Oktober 2022 |
| SEPTEMBER | | |
| OKTOBER | | Cabutan Berkala pada Disember 2022 |
| NOVEMBER | | |
| DISEMBER | | Cabutan Berkala pada Februari 2023 |
| JANUARI | | |

- e) Pengiraan Mata Penyertaan bagi Cabutan Berkala adalah berdasarkan bulan penglibatan pelanggan pada Kempen ini. Mata Penyertaan tidak akan terkumpul pada Cabutan Berkala yang lain.

Contoh:

| BULAN PENGLIBATAN KEMPEN | JUMLAH MATA PENYERTAAN |
|-----------------------------|---------------------------|
| April dan Mei | 9 Mata Penyertaan |
| Jun dan Julai | 3 Mata Penyertaan |

- f) Pengiraan Mata Penyertaan bagi bulan Jun dan Julai 2022 bagi Cabutan Berkala adalah sebanyak tiga (3) Mata Penyertaan dan bukanlah dua belas (12) Mata Penyertaan memandangkan pengiraan Mata Penyertaan adalah berasingan dan tidak terkumpul.
- g) Pelanggan adalah layak untuk memenangi lebih dari satu (1) hadiah apabila melanggan produk yang terlibat pada Kempen ini dalam pusingan Cabutan Berkala yang berbeza.
- h) Penilaian Mata Penyertaan bagi Cabutan Utama adalah sepanjang sepuluh (10) bulan sepanjang Tempoh Kempen.

6. HADIAH

- a) Hadiah Kempen adalah seperti berikut:

- Hadiah Cabutan Utama

| Bilangan Pemenang | Hadiah |
|-------------------|---------------------------|
| 1 | 1 Unit Proton X70 1.8 TGD |

- Hadiah Cabutan Berkala

| | Bilangan Pemenang | Hadiah (RM Tunai) | Jumlah Hadiah (RM Tunai) |
|---------------------------------------|-------------------|----------------------|-----------------------------|
| Cabutan Berkala pada Jun 2022 | 2 | 3,000.00 | 6,000.00 |
| | 3 | 2,000.00 | 6,000.00 |
| | 5 | 1,000.00 | 5,000.00 |
| | 20 | 500.00 | 10,000.00 |
| Cabutan Berkala pada Ogos 2022 | 2 | 3,000.00 | 6,000.00 |
| | 3 | 2,000.00 | 6,000.00 |
| | 5 | 1,000.00 | 5,000.00 |
| | 20 | 500.00 | 10,000.00 |
| Cabutan Berkala pada Oktober 2022 | 2 | 3,000.00 | 6,000.00 |
| | 3 | 2,000.00 | 6,000.00 |
| | 5 | 1,000.00 | 5,000.00 |
| | 20 | 500.00 | 10,000.00 |
| Cabutan Berkala pada Disember 2022 | 2 | 3,000.00 | 6,000.00 |
| | 3 | 2,000.00 | 6,000.00 |
| | 5 | 1,000.00 | 5,000.00 |
| | 20 | 500.00 | 10,000.00 |
| Cabutan Berkala pada Februari 2022 | 2 | 3,000.00 | 6,000.00 |
| | 3 | 2,000.00 | 6,000.00 |
| | 5 | 1,000.00 | 5,000.00 |
| | 20 | 500.00 | 10,000.00 |
| Jumlah keseluruhan | 150 | - | 135,000.00 |

Nota : Lima (5) Cabutan Berkala akan dilaksanakan sepanjang tempoh Kempen dan seramai 150 pemenang akan memenangi Hadiah tunai pada keseluruhan Cabutan Berkala Kempen ini.

- b) Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada individu lain atau pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada tunai atau barangan lain.
- c) Pihak Bank berhak untuk menukar, mengubah atau menggantikan mana-mana hadiah dengan produk, model, jenama atau warna yang berbeza dengan nilai yang sama pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.
- d) Cabutan Utama akan dilaksanakan selepas tamat Kempen iaitu pada Mac 2023.

7. PEMILIHAN DAN PEMAKLUMAN PEMENANG

- a) Bagi mempunyai peluang memenangi Kempen ini, Pelanggan hendaklah mematuhi semua kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Bank.
- b) Pemilihan Pemenang akan dijalankan berdasarkan kaedah cabutan pada tarikh dan lokasi yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- c) Kaedah cabutan elektronik akan digunakan bagi proses pemilihan di mana ianya akan dipantau oleh pihak Bank. Sebarang keputusan hasil daripada cabutan yang dilakukan adalah muktamad. Sebarang rayuan, bantahan atau pertanyaan daripada Pelanggan tidak akan dilayan.
- d) Mana-mana Pelanggan yang telah diumumkan sebagai Pemenang bagi cabutan Berkala adalah layak untuk menyertai Cabutan Utama.
- e) Nama Pemenang akan diumumkan melalui laman web rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my. Pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank menggunakan maklumat diri yang telah diberikan kepada pihak Bank. Sekiranya Pemenang tersebut tidak dapat dihubungi kerana informasi yang telah diberikan adalah salah, hadiah tersebut akan diberikan kepada Pemenang Simpanan.
- f) Para pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank melalui panggilan telefon sekurang-kurangnya tiga (3) kali panggilan bagi memastikan pelanggan dapat dihubungi untuk memaklumkan sebagai pemenang. Sekiranya pelanggan tidak dapat dihubungi walaupun panggilan telah dibuat, pihak bank berhak untuk menawarkan hadiah tersebut kepada Pemenang Simpanan.
- g) Pemenang Simpanan akan dicabut pada akhir cabutan kempen dilaksanakan. Pemenang Simpanan hanya akan di umumkan sebagai Pemenang Kempen jika pemenang asal Kempen tidak berjaya dihubungi.
- h) Pelanggan memberikan kebenaran kepada Bank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan lain-lain maklumat berkaitan Pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang kos atau pampasan kepada Pelanggan. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan melayari laman rasmi Bank di www.agrobank.com.my.

8. PERUNTUKAN UMUM

- a) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank melibatkan Kempen ini. Pelanggan juga setelah menyertai Kempen ini memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedahkan atau berkongsi maklumat diri Pelanggan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menganjurkan atau mempromosikan Kempen ini.
- b) Sebarang fi dan caj yang terlibat dalam Kempen ini hendaklah bergantung kepada ciri-ciri Produk dan/atau Perkhidmatan yang dilanggan oleh Pelanggan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fi dan caj yang terlibat di cawangan-cawangan Bank yang berhampiran dengan Pelanggan.
- c) Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Pihak Bank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Bank.
- d) Pihak Bank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat bagi Kempen ini dengan notis sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan berkuatkuasa. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenal pasti oleh pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad melalui pos, notis di cawangan Bank, melalui transaksi elektronik atau di dalam laman web rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my.
- e) Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dilakukan oleh pihak Bank, Pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan kepada pihak Bank atau menerima sebarang pampasan daripada pihak Bank bagi sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh Pelanggan.
- f) Jika terdapat sebarang keraguan yang munasabah, kekaburan, kecelaruan atau pertikaian melibatkan Kempen ini dan juga sebarang material pemasaran yang digunakan dalam kempen ini, rujukan utama akan dilakukan kepada Terma dan Syarat Kempen ini dalam versi Bahasa Malaysia.
- g) Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir berdasarkan kepada undang-undang Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Agrobank 1300-88-2476 atau layari laman web Bank di www.agrobank.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan Agrobank.